

Kelebihan epidural

- Paling berkesan berbanding teknik lain.
- Lazimnya, epidural tidak memberi kesan sampingan kepada kandungan.
- Ubat bius boleh ditambah untuk kegunaan pembedahan Cesarean jika diperlukan.

Rujukan

- Pain Management in Obstetrics and Gynaecology Guidelines 2023.

Risiko Yang Mungkin Berlaku Dengan Penggunaan Epidural

Risiko Epidural	Kadar Kekerapan
Kegatalan	Kerap
Kebas kaki	Kerap
Loya & muntah	Kerap
Lemah otot kaki	Jarang (Sementara)
Penurunan tekanan darah yang ketara	Jarang
Epidural tidak berkesan	Jarang
Epidural tidak berkesan untuk pembedahan Cesarean	Jarang
Demam	Sangat Jarang
Sakit kepala yang teruk	Sangat Jarang
Kecederaan saraf (kebas kaki atau lemah) melebihi > 6 bulan	Sangat Jarang
Meningitis	Sangat Jarang
Nanah di ruang epidural	Sangat Jarang
Darah beku di ruang epidural	Sangat Jarang

DISEDIAKAN OLEH

JABATAN ANESTESIOLOGI DAN RAWATAN RAPI
HOSPITAL SULTAN HAJI AHMAD SHAH,
TEMERLOH



BERSALIN DENGAN SELESA

HOSPITAL SULTAN HAJI AHMAD SHAH

TEMERLOH, PAHANG



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PROSES BERSALIN





- Proses bersalin melibatkan kontraksi rahim secara berterusan yang boleh menyebabkan kesakitan kepada pesakit.
- Semakin kerap dan kuat kontraksi, semakin tinggi tahap kesakitan.
- Tahap kesakitan adalah berbeza bagi setiap ibu mengandung.
- Kelahiran bayi pertama adalah lebih sukar dan sakit berbanding kelahiran kedua dan seterusnya.
- Tahap kesakitan juga akan bertambah kuat sekiranya ubat digunakan untuk induksi atau mempercepatkan proses bersalin.
- Tahap kesakitan anda akan dinilai dengan menggunakan Skala Kesakitan.
- Teknik dan ubatan yang diberikan adalah bertujuan mengurangkan kesakitan kurang dari skala 4.



KAEDAH UNTUK MENGURANGKAN KESAKITAN SEMASA BERSALIN

- Pelbagai cara boleh digunakan untuk mengurangkan kesakitan.
- Berehat, senaman pernafasan, ubat- ubatan boleh digunakan untuk mengurangkan kesakitan.
- Agak sukar menentukan kaedah terbaik untuk mengurangkan kesakitan.
- Tidak semua kaedah boleh didapati di hospital anda. Sila berbincang dengan kakitangan kami mengenai kaedah yang sesuai dan terbaik untuk anda.

KAEDAH – KAEDAH UNTUK MENGURANGKAN KESAKITAN SEMASA BERSALIN

Teknik	Keberkesanan
Epidural 	Amat Berkesan
PCA Fentanyl / Remifentanyl 	Berkesan
Entonox 	Agak Berkesan
Suntikan Pethidine	Agak Berkesan
Transcutaneous Electrical Nerve Stimulation (TENS) 	Kurang Bukti Keberkesanan
Akupunktur/ Aromaterapi/ Urutan	Kurang Bukti Keberkesanan

Epidural Masa Bersalin

- Epidural adalah ubat tahan sakit yang akan bertindak terus pada saraf – saraf yang terlibat dalam proses bersalin.
- Epidural hanya boleh diberikan oleh doktor bius yang terlatih.

Proses persediaan pesakit untuk teknik epidural

- Pesakit akan diterangkan mengenai teknik epidural, kebaikan dan komplikasi dari teknik epidural.
- Keizinan bertulis akan diambil dari pesakit selepas semua persoalan pesakit dijawab.
- Pesakit akan diberikan cecair intravena.
- Pesakit akan dibantu untuk duduk.
- Bahagian belakang pesakit akan dibersihkan dengan ubat antiseptik.
- Ubat bius setempat akan diberikan oleh doktor untuk kebaskan kulit di bahagian belakang pinggang.
- Seterusnya doktor akan memasukkan tiub epidural dan memberikan ubat bius melalui tiub tersebut.
- Adalah sangat penting untuk pesakit tidak bergerak semasa prosedur.
- Keseluruhan prosedur dan masa untuk mencapai pengurangan kesakitan akan mengambil masa 30-40 minit.

Peralatan yang digunakan untuk prosedur epidural

